

18/09/2003

`Generasi muda perlu hayati kongsi kuasa'

KUALA LUMPUR: Masa depan negara bergantung kepada kemampuan rakyat mempertahankan konsep kongsi kuasa yang selama ini menjadi teras Barisan Nasional (BN) memperjuangkan kemerdekaan dan membangunkan negara.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata rakyat khususnya golongan muda perlu sedar bahawa kejayaan menuntut kemerdekaan dan kejayaan pemimpin membangunkan negara selepas merdeka serta meletakkan Malaysia sebagai negara paling membangun, semuanya bertunjangkan konsep perkongsian kuasa.

Beliau berkata, kerajaan Perikatan dan seterusnya BN berjaya membuktikan ramalan rusuhan kaum dan agama selepas merdeka meleset sama sekali.

Justeru, katanya, sambutan ulang tahun ke-50 BN bertema `Kecemerlangan Kongsi Kuasa Kejayaan Malaysia' di Stadium Merdeka Sabtu ini, amat besar maknanya kepada BN serta rakyat secara keseluruhan.

"Kita adakan sambutan besar-besaran bermula peringkat kebangsaan di Kuala Lumpur dan setiap negeri selepas ini adalah untuk mengingatkan ahli semua peringkat mengenai kecemerlangan konsep kongsi kuasa.

"Yang lebih penting adalah kita mahu generasi muda sedar bahawa konsep kongsi kuasa yang telah terbukti keadilannya, perlu dipertahankan demi masa depan negara," katanya ketika ditemui di pejabatnya, di sini semalam.

Mohamed berkata, kejayaan BN mencatat kemenangan dua pertiga dalam 10 pilihan raya adalah bukti jelas penerimaan rakyat terhadap kecemerlangan kongsi kuasa.

Katanya, konsep kongsi kuasa yang dirintis Perikatan sejak 1952 berjaya menjamin keamanan dan kemakmuran yang dinikmati hingga sekarang.

Malah, katanya semua negara ingin meniru cara Malaysia, iaitu konsep kongsi kuasa yang berjaya meletakkan negara pada kedudukan aman, harmoni dan makmur seperti sekarang.

"Pembangking pun nak tiru konsep kongsi kuasa yang kita amalkan, tapi mereka tak akan berjaya kerana gagal mencapai kesepakatan dari dulu hingga sekarang. Justeru, saya harap rakyat terus memberikan kepercayaan kepada kecemerlangan konsep kongsi kuasa BN pada pilihan raya umum ke-11 akan datang," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Pengerusi BN akan menyampaikan amanat penting pada sambutan Sabtu ini dihadiri kira-kira 50,000 pemimpin dan ahli BN dari seluruh negara.

Mohamed berkata, sambutan besar-besaran itu tidak ada kena mengena dengan Dr Mahathir yang akan bersara atau pilihan raya umum yang dikatakan semakin hampir.